

Penghuni Rumah Panjang Bukit Kiara menanti 37 tahun miliki kediaman baharu Rumah bagai hendak roboh

Oleh NAZWIN NAZRI
winnwilayahku@gmail.com
Foto NAZIRUL ROSELAN

KUALA LUMPUR – Bantahan sebahagian penduduk Taman Tun Dr Ismail (TTDI) di sini terhadap projek pembangunan Taman Rimba Kiara seolah-olah menafikan hak komuniti India di Rumah Panjang Bukit Kiara untuk menikmati kediaman baharu yang sudah ditunggu selama 37 tahun.

Jika tidak kerana masalah bantahan tersebut, pembinaan rumah baharu untuk penduduk berkenaan melalui projek berkenaan sudah lama dapat dilaksanakan.

Ini kerana, pembangunan yang direncanakan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) itu bertujuan memberi keselesaan kepada penghuni rumah panjang yang turut mengimpikan kehidupan selesa.

Tinjauan di sekitar rumah panjang terbabit mendapati, penghuninya terpaksa mendiami rumah berkeluasan kira-kira 30 kaki persegi selama lebih tiga ekad dengan keadaan kediaman yang daif serta diperbuat daripada papan termasuk di bahagian lantainya.

Lebih menyayat hati apabila rumah sempit berusia 37 tahun itu mempunyai beberapa kebocoran di bahagian bumbung sekali gus menjadikan penghuninya sukar untuk tinggal terutama pada hari hujan.

Menurut salah seorang penghuni, V. Veni, 38, dia tinggal di rumah panjang itu bersama nenek dan ibu bapanya sejak dari kecil.



PENDUDUK menunjukkan bumbung rumahnya yang bocor setiap kali hujan.



V. VENI



V. DANALICHENI

"Sekarang sudah generasi keempat. Banyak masalah berlaku di rumah ini seperti kebocoran, struktur binaan pun telah senget.

"Di bahagian belakangnya pula terdapat kawasan hutan, saya tidak berani buka pintu belakang kerana bimbang ular masuk. Sekarang pun ada ular masuk, ini risiko besar untuk penghuni. Kalau nampak kita boleh buang, kalau tidak, ia akan membahayakan," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Veni memberitahu, keadaan rumah yang uzur serta risiko bahaya menyebabkan penduduk rumah panjang sangat memerlukan rumah baharu yang lebih selesa serta selamat diduduki.

Malah katanya, hanya segelintir generasi awal yang mula mendiami rumah panjang dan bekerja keras di ladang masih ada berikutan kebanyakannya sudah meninggal dunia.

"Mereka sepatutnya diberi hak dan merasa duduk di rumah sendiri yang selesa. Rumah ini sangat kecil dan menyusahkan penghuni terutama sekiranya berlaku kematian, tetamu sukar untuk masuk ke dalam," jelasnya.

Seorang lagi penghuni, V. Danalicheni, 67, menzahirkan rasa bimbang sekiranya rumah yang diduduki hampir 40 tahun itu roboh berikutan diperbuat sepenuhnya daripada papan.

Katanya, pada masa ini, rumah tersebut sering bergoyang serta dimasuki air ketika hujan lebat bersama ribut.

"Kalau angin kuat lagi, habis rumah boleh roboh. Sekarang pun sudah bergoyang kalau anak-anak saya bergerak di dalam rumah," ujarnya.



PEMANDANGAN Rumah Panjang Bukit Kiara dari udara.

Info Kronologi projek Taman Rimba Kiara

2019

24 Mac - Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad mengumumkan sebarang keputusan berhubung status projek di tapak Taman Rimba Kiara akan diputuskan dalam mesyuarat Kabinet.

22 April - Khalid mengumumkan pematu Taman Rimba Kiara bersetuju mengurangkan skala kepadatan pembangunan dan saiz dari 4.9 hektar kepada 3.2 hektar.

26 April - Khalid berkata, penurunan skala pembangunan Taman Rimba Kiara adalah penyelesaian menang-menang bagi membolehkan penghuni rumah panjang kekal di kawasan tersebut dan menyerahkan sebahagian tanah kepada penduduk TTDI. Beliau turut menolak dakwaan pihaknya dan YWP ada kepentingan dalam projek berkenaan.

28 April - Anggota Parlimen Segambut, Hannah Yeoh menegaskan, pembangunan semula pemukiman baharu bagi penduduk rumah panjang hanya boleh dijalankan di tapak sedia ada.

15 Mei - Hannah Yeoh mahu Peguam Negara, Tommy Thomas dujuk apabila membatalkan nilai pampasan yang perlu dibayar sekiranya projek Taman Rimba Kiara dibatalkan.

16 Mei - Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Zairulnizam Zairun memberitahu, pen-



uduk Rumah Panjang Bukit Kiara akan kekal di tapak asal sehingga rumah mampu milik memukanya di atas tanah seluas 0.88 hektar siap dibina.

21 Mei - Khalid menegaskan hanya mahkamah yang berhak memutuskan projek Taman Rimba Kiara sah atau sebaliknya.

10 Julai - Khalid dilaporkan berkata, kertas cadangan projek Taman Rimba Kiara akan dibentangkan kepada Kabinet untuk disetujui, bulan depan selain menyahkannya kepada beberapa Kementerian lain untuk penelitan lanjut.

Beliau berkata, ia sudah dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara bagi penelitan dari aspek perundangan sebelum diserahkan semula kepada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk tindakan seterusnya.

Isu pencerobohan hutan bukan lagi alasan bantahan

KUALA LUMPUR – Isu untuk memulihara dan menjaga satu-satunya kawasan hutan di ibu negara seperti yang dicanang penduduk Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) sepatutnya tidak dijadikan alasan bagi membantah projek pembangunan Taman Rimba Kiara.

Ini kerana kerajaan telah menegaskan bahawa kawasan hijau di Taman Rimba Kiara tidak akan terjejas akibat projek yang dirancang di sekitarnya.

Memetik laporan Wilayahku pada

edisi 21 lalu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Zairulnizam Zairun menyatakan projek pembangunan yang pada asalnya diluluskan seluas 4.9 hektar telah dikurangkan skalanya kepada 3.2 hektar bagi menghormati permintaan penduduk TTDI.

Justeru salah seorang penduduk TTDI yang tinggal di Lorong Persiaran Zaaba yang dikenali sebagai Shanmugam turut mempersoalkan bantahan

yang disuarakan segelintir pihak.

Malah katanya, pembangunan tersebut juga merupakan peluang besar kepada penghuni Rumah Panjang Bukit Kiara untuk mengecapi kesejahteraan selepas 37 tahun tinggal di rumah yang sempit dan daif.

"Kenapa penduduk TTDI tidak setuju? Mereka tidak kena-mengena dengan tanah yang digunakan kerana ia sepenuhnya milik YWP dan pembinaan itu bertujuan membela nasib penghuni rumah panjang.

huni rumah panjang.

"Saya antara penduduk TTDI yang sokong pembinaan projek pembangunan kerajaan kerana penghuni rumah panjang adalah golongan miskin dan perlu dibantu," katanya.

Dalam pada itu, Shanmugam berharap pihak Kementerian Wilayah Persekutuan yang diterajui Menteri-nya, Khalid Abd. Samad tidak tunduk dengan bantahan dan desakan penduduk TTDI.

Belia bangunkan jati diri Mohammadthir

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

MENJADI pemimpin belia tidaklah semudah yang disangkakan. Apatah lagi, pertubuhan belia yang dipimpin bersama telah dinobatkan sebagai pertubuhan belia terbaik negara pada tahun 2018.

Bagi Timbalan Pengerusi Pertubuhan Belia Belawanis Bukit Kuda (PBBBK), Labuan, Mohammadthir Malik, 32, pembabitannya dalam pertubuhan itu sejak tahun 2013 membuka lembaran baharu dalam hidupnya.

"Seawal umur 26 tahun, saya telah dipelawa oleh bekas Pengerusi PBBBK Labuan, Ghazali Osman untuk menjadi ahli persatuan.

"Sejak itu, saya tidak memandang kebelakang dan berazam untuk menabur bakti dalam bidang pembangunan belia di kampung saya, Kampung Bukit Kuda," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Beliau berkata, perkara paling utama yang dipelajari adalah berkenaan penguasaan organisasi.

"Walaupun ia mungkin dilihat mudah, di sinilah bakat kepimpinan diasah dan kemampuan mengurus serta mengendalikan sumber manusia benar-benar menguji keupayaan diri kita," katanya.

Mohammadthir berkata, selain ilmu pengurusan organisasi, beliau turut mempelajari kemahiran pengurusan program.

"Pertubuhan belia 'kaya' dengan pelbagai program dan aktiviti untuk menarik minat golongan belia.

"Apabila sudah kerap mengendalikan program, kemampuan untuk menguruskan program sama ada berbentuk rasmi atau santai sudah menjadi biasa," katanya.

Mohammadthir yang merupakan Timbalan Pengerusi Majlis Belia Labuan (MBL) bagi penggal 2019-2021 berkata, sepanjang pembabitannya bersama PBBBK, mereka telah mencatat sejarah tersendiri dalam arena pembangunan belia negara.

"Kami telah menjadi Johan Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Negeri (kategori pertubuhan) tahun 2014, 2016, 2017 dan 2019.

"Kami juga pernah menjadi Naib Johan Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Kebangsaan (Kategori Pertubuhan) tahun 2017.

Katanya, anugerah yang dimenangi itu merupakan hasil kerja berpasukan dan penglibatan aktif semua pihak dari peringkat ahli sehingga pengurusan PBBBK. Pemegang Diploma Pengurusan Pe-

jabat dan Teknologi dari universiti Utara Malaysia (UUM) ini berkata, 2019 merupakan tahun paling gemilang buat dirinya dan pertubuhan belia yang diwakilinya.

"Antara pengalaman yang pasti terpahat dalam ingatan adalah menerima anugerah yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Saya dan rakan-rakan mewakili PBBBK menerima anugerah apabila dinobatkan sebagai Johan Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Kebangsaan (kategori pertubuhan) 2019 di Putrajaya pada Mei lalu.

"Saya turut memenangi Johan Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Negeri (kategori individu)," katanya.

Bapa kepada dua orang anak ini berkata, setiap belia di negara ini harus bergiat aktif di dalam program kemasyarakatan.

"Ini dapat mengelakkan kita daripada terjebak dengan aktiviti yang tidak berfaedah dan yang lebih utama ia dapat membangunkan jati diri kita," katanya.



Dapat galakan ibu bapa untuk aktif dalam pasukan Pengakap, aktiviti lasak

Adik-beradik kembar terima anugerah

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com
Foto NAZIRUL ROSELAN

KUALA LUMPUR - Dua adik-beradik kembar yang aktif dalam Persatuan Pengakap Malaysia (PPM) merupakan antara penerima Anugerah Pengakap Diraja baru-baru ini.

Bagi Andika Rees Pahamin Azhar, 17, pembabitannya dalam pengakap mendapat galakan daripada kedua-dua ibu bapa dan keluarga.

"Ibu bapa amat menggalakkan saya aktif dalam pengakap dan melalui aktiviti yang dijalankan, saya dapat belajar banyak perkara yang menarik.

"Selain itu, banyak cabaran yang terpaksa dilalui sebelum layak untuk mendapat

pingat daripada pengakap dan penganugerahan hari ini merupakan yang anugerah paling tinggi pernah saya dapat sepanjang pembabitannya dalam pengakap sejak berumur sembilan tahun," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Bagi kembarnya pula, Kasih Iris Leona Azhar, 17, pula berkata, dia memang menggemari aktiviti lasak dan turut aktif dalam Pandu Puteri.

"Saya telah menyertai pengakap sejak lima tahun yang lalu dan telah menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Saya juga aktif dalam aktiviti lasak seperti perahu layar serta kayak dan baru-baru ini telah dianugerahkan Ikon Perintis Muda daripada Jabatan Laut," katanya.

Jelas Kasih Iris Leona lagi, dia turut mendapat anugerah Pandu Puteri Diraja kerana aktif dalam pasukan beruniform itu.

Kedua-dua kembar itu yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Hartamas bersama dengan 99 ahli pengakap menerima Anugerah Pengakap Muda yang disampaikan oleh menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad di Akademi Kenegaraan di sini baru-baru ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Khalid berkata, kementeriannya akan berusaha untuk mendapatkan sebuah pejabat dan sebidang tanah untuk kemudahan kepada Persekutuan Pengakap Kuala Lumpur termasuk bagi menjalankan aktiviti perkhemahan.



ANDIKA Rees Pahamin (kiri) bersama Kasih Iris Leona bergambar bersama Anugerah Pengakap Diraja di Akademi Kenegaraan, Kuala Lumpur baru-baru ini.